

27/06/2002

DPMM yakin dasar politik, ekonomi sedia ada diteruskan

DEWAN Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) yakin dasar politik dan ekonomi sedia ada akan diteruskan walaupun selepas persaraan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad daripada jawatannya dalam Umno dan kerajaan.

Pengerusinya, Datuk Seri Abdul Rahman Maidin, berkata ini kerana dasar berkenaan terbukti berkesan dan konsisten dalam mendukung pembangunan negara.

Beliau berkata, bagaimanapun, jika berlaku sebarang perubahan dalam dasar kerajaan selepas persaraan Dr Mahathir nanti, ia semata-mata dilakukan bagi menyesuaikan dengan keperluan semasa.

"Apabila ada pelan dan perancangan untuk waris, maka akan ada juga dasar yang akan diwarisi dan sebarang perubahan selepas itu akan dibuat mengikut perubahan waktu dan keperluan," katanya ditemui selepas mempengerusikan Mesyuarat Agung Tahunan DPMM ke 37, di Kuala Lumpur, semalam.

Abdul Rahman berkata, keputusan Perdana Menteri untuk melanjutkan tempoh persaraannya sehingga tahun depan adalah satu keputusan bijak demi kepentingan negara dan bagi meneruskan pelan perancangan pembangunan yang sudah diatur.

"Apa yang diputuskan adalah satu keputusan yang bijak dan menunjukkan beliau mementingkan negara," katanya.

Mengulas mengenai kekecewaan Perdana Menteri terhadap kelemahan orang Melayu, beliau berkata, ia mungkin disebabkan kegagalan untuk meletakkan orang Melayu pada tahap paling tinggi.

"Saya rasa kekecewaan itu lahir kerana Perdana Menteri mahu melihat kejayaan orang Melayu pada tahap tertinggi.

"Tetapi saya yakin Perdana Menteri meyakini kemampuan orang Melayu untuk berjaya dalam bidang masing-masing," katanya.

Beliau berkata, walaupun orang Melayu tidak mencapai kejayaan seperti yang diharapkan, ia tidak bermakna mereka gagal.

"Jika dilihat dalam konteks yang lebih besar, ada orang Melayu yang mencapai kejayaan besar, tetapi tidak dinafikan ramai juga yang gagal kerana rangkaian perniagaan kita tidak sekukuh kaum lain," katanya.

Beliau berkata, bagi mengatasi masalah itu, DPMM sedang berusaha mewujudkan rangkaian perhubungan sesama bangsa, negara dan juga di luar negara bagi memastikan usahawan Melayu dapat melangkah lebih gagah.

DPMM juga katanya, akan menyerlahkan usahawan Melayu berjaya supaya pengalaman mereka dapat dikongsi usahawan Melayu lain.

(END)